



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PENTADBIRAN ZAKAT FITRAH ; PENGAGIHAN DAN KEBERKESANANNYA  
KAJIAN KHUSUS DI DAERAH SARIBAS

TINJAUAN DI KAMPUNG PUSA

SARAWAK

OLEH

SUA'IBON SHAMSUDDIN BIN ABU BAKAR

KERTAS PROJEK INI ADALAH SATU LATIHAN ILMIAH UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN DIPLOMA UNDANG-UNDANG  
DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM  
PADA SESI 1991 / 92

KULLIYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA ( UIA )  
PETALING JAYA  
SELANGOR  
( MEI 1992 )

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ  
عَلَيْهَا وَالْمَوْلَاةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ  
وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ  
وَاللَّهُ عَلَيْهِ حَكِيمٌ : التَّوْبَةُ آيَةٌ ٦.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala pujian bagi Allah SWT , Tuhan semesta alam, salawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad saw, para sahabat , tabi'in, para syuhada' dan solihin.

Penulis merakamkan kesyukuran yang tidak terbatas ke hadrat Allah SWT, kerana limpah dan RahmatNya, telah memberi keupayaan dan ruang masa kepada penulis untuk menyiapkan Kertas Projek ini. Sebagai insan yang serba kekurangan, pasti menghadapi pelbagai masalah dan juga rintangan dalam rangka menyiapkan kertas projek ini, lantas ianya memberi semangat yang gitu dan ketabahan yang tinggi berserta dengan doa dan tawakkal kepada Allah SWT dalam mengejar cita-cita.

Kertas Projek ini merupakan latihan ilmiah bagi memenuhi syarat Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam dalam bidang undang-undang ( syariah ).Kajian ini telah melibatkan banyak pihak, di mana tanpa penglibatan mereka sudah pasti akan menyukarkan penulis untuk menyiapkannya.

Dengan kesempatan ini, penulis ingin mengucap dan merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia Dr. Abdullah Ibrahim selaku penyelia ' Kertas Projek ' ini, yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan serta galakan kepada penulis untuk me-

nyiapkan kertas projek ini dengan jayanya. Penulis mendoakan semoga pengorbanan yang disumbangkan itu mendapat ganjaran yang selayaknya dari Allah SWT.

Ucapan penghargaan juga penulis tujukan kepada pihak Majlis Islam Sarawak dan Baitulmal Sarawak yang telah memberikan kerjasama yang menggalakkan dalam usaha mengumpul data-data dan maklumat-maklumat yang diperlukan terutama kepada Yang Berbahagia Datuk Haji Anis Haji Abot, selaku Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Encik Mustafa Affendi dan Haji Sulaiman Ebi.

Seterusnya ucapan penghargaan dan terima kasih ini dipersembahkan buat semua pensyarah Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam di Universiti Islam Antarabangsa yang banyak memberi dan menyumbangkan ilmu pengetahuan yang tidak terhingga kepada penulis. Begitu juga buat teman seperjuangan kursus DAIJ dan teman serumah Murshidi, Mustafa, Rosdi, Siddiq, Zawawi dan lain-lain lagi, kerjasama kalian tetap akan dikenang dalam doaku hingga akhir hayat.

Tidak ketinggalan juga ribuan terimakasih penulis ucapkan buat semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kertas projek ini samada secara langsung atau tidak.

Akhir sekali, semoga Allah melimpahkan rahmatNya ke atas usaha dan segala amalan baik yang kita lakukan selama ini.

SUA'IBON SHAMSUDDIN BIN ABU BAKAR

---

MEI 1992

---

51 Kampung Hulu Pusa  
94950 Pusa , Saribas ,  
Sarawak

ZULKAEDAH 1412

## ABSTRAK

Tujuan utama kajian Kertas Projek ini adalah untuk mengkaji, meneliti dan menilai peranan yang dimainkan oleh pihak Majlis (Jabatan) Agama Islam Sarawak mengenai pentadbiran dan kutipan zakat fitrah di Sarawak umumnya dan di Kampung Pusa khususnya. Di samping itu, ianya juga bertujuan meninjau dan mengkaji mengenai sikap dan tindak tanduk masyarakat Islam di Kampung Pusa mengenai zakat Fitrah serta cuba mencari penyelesaian mengenainya. Kertas Projek ini mengandungi lima bab.

Dalam Bab Pertama, penulis menjelaskan mengenai pensyariatatan zakat secara umum yang meliputi definisi, dalil pensyariatannya, hukum-hukum perlaksanaannya dan juga mengenai fungsinya terhadap individu dan masyarakat Islam keseluruhannya.

Dalam Bab Kedua pula, dibentang dan diulaskan serta diteliti secara mendalam mengenai zakat fitrah yang menjadi tajuk perbincangan dalam Kertas Projek ini. Perbincangan di bab ini merangkumi pensyariatatan zakat fitrah, dalil-dalil dan juga hukum pensyariatannya dan bila mesti dibayar serta berapakah kadar-kadar yang wajib dikeluarkan sebagai zakat fitrah.

Sementara Bab Ketiga pula, mengulas mengenai golongan yang wajib mengeluarkan zakat dan golongan yang berhak menerimanya iaitu yang

terdiri daripada asnaf-asnaf yang lapan yang disebutkan dalam surah al Baqarah ayat 60. Di samping itu dikemukakan juga golongan-golongan yang tidak berhak menerima fitrah secara ringkas.

Bab Keempat, memuatkan ulasa dan penerangan mengenai pentadbiran zakat fitrah di Sarawak. Penjelasan adalah mengenai Majlis Islam dan Baitulmal yang merupakan dua badan yang berasingan, tapi keduanya mempunyai kuasa dan tanggungjawab terhadap zakat dan fitrah di mana ianya mengawasi perjalanan pelaksanaan Bahagian Zakat dan Fitrah Sarawak secara keseluruhan. Di samping itu disebutkan juga tentang penggunaan sistem penggunaan 'amil, tahun perlaksanaannya, perlantikan, tanggungjawab, dan peraturan-peraturan yang perlu diikuti dan diambil perhatian oleh 'amil. Dalam pada itu turut diterangkan bagaimana dan kepada siapa zakat fitrah diagihkan.

Bab terakhir iaitu bab kelima memaparkan mengenai analisa dan ulasan terhadap pentadbiran kutipan zakat fitrah di Kampung Pusa, bagaimana 'amil menjalankan tugas, kepada siapa zakat fitrah dibayar dan diagihkan, sambutan masyarakat terhadap penggunaan sistem 'amil dan ulasan mengenai sikap dan kerendah masyarakat kampung menentang penggunaan amil di peringkat awal ianya diperkenalkan. Akhirnya ianya disusuli dengan mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak-pihak berkenaan untuk dibincang dan diselesaikan.

## KATA PENGANTAR

Secara umumnya arus kesedaran umat Islam di Sarawak tentang betapa pentingnya sokongan mereka terhadap setiap rancangan dan pelaksanaan pembangunan projek untuk orang Islam; yang dijalankan oleh pihak kerajaan melalui Majlis Islam, semakin meningkat. Kewujudan Mahkamah dan perlulusan undang-undang yang berkaitan dengan masyarakat Islam di Sarawak, memperlihatkan bahawa ada keinsafan dan kesedaran di kalangan pemimpin-pemimpin yang beragama Islam di Sarawak untuk menangani masalah umat Islam di Sarawak untuk jangka masa panjang dan berkesan.

Melihat realiti ini, penulis cuba membuat kajian ilmiah tentang pentadbiran zakat khususnya zakat fitrah di Sarawak. Dalam kajian ini penulis membuat tinjauan khusus di Kampung Pusa mengenai perjalanan pentadbiran zakat fitrah di sana. Ini penting untuk mengetahui dan menilai sejauh manakah kejayaan pelaksanaan program pentadbiran zakat fitrah di kampung tersebut yang merangkumi sikap-sikap penerimaan, tindak-tanduk masyarakat Islam di situ terhadap program-program dan rancangan yang dilaksanakan yang berkaitan dengan zakat fitrah.

Perlu disedari bahawa, kutipan zakat fitrah di kampung Pusa menghadapi beberapa masalah yang dirasakan agak rumit untuk diselesaikan. Sistem kutipan zakat melalui 'amil kurang mendapat sambutan, malah kadang kala ditentang, walau pun mereka tidak memahaminya; baik dan buruknya.



Oleh itu, penulis berpendapat perlunya dibuat satu kajian secara teliti dan ilmiah di sana mengenai masalah tersebut di samping membuat kajian terperinci melalui kajian-kajian perpustakaan mengenai pensyariaan zakat fitrah di sisi syara'. Di samping itu, kajian ini akan memuatkan ulasan saranan dan cadangan kepada pihak berkenaan untuk diambil tindakan selanjut dan sewajarnya.

Mudah-mudahan dengan adanya penulisan seperti ini, pihak-pihak berkenaan akan mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah dan apa perkara rumit yang dihadapi melalui kuasa yang ada pada mereka demi mengelakkan salah faham dan kekeliruan masyarakat Islam mengenai hakikat amalan yang perlu diikuti dan disokong di samping meninggalkan sesuatu yang jelas bertentangan dengan syara'. Juga demi untuk meningkatkan ekonomi orang Islam dan membela nasib mereka yang kurang berkemampuan dengan meningkatkan taraf hidup mereka dari masa ke samasa dengan apa cara yang difikirkan patut dan berkesan.

DAFTAR ISI

PERKARA	HALAMAN
Penghargaan	i
Abstrak	iv
Kata Pengantar	vi
Daftar Isi	viii
Senarai Kependekan	xiv
Pendahuluan , Latar belakang kajian	xv
Bidang Kajian	xvii
Objektif Kajian	xvii
Metodologi Kajian	xvii
Masalah Kajian	xvii

BAB PERTAMA : PENGENALAN ZAKAT

1 Pengenalan Zakat	1
1.1 Definisi Zakat	2
1.2 Hukum Zakat	6
1.3 Dalil-dalil Wajib Zakat	7
1.4 Fungsi Zakat	9
Nota Kaki	15

DAFTAR ISI

PERKARA	HALAMAN
<b>BAB KEDUA : PENGENALAN ZAKAT FITRAH</b>	
2 Pengenalan Zakat Fitrah	17
2.1 Definisi Zakat Fitrah	17
2.2 Hukum Zakat Fitrah	19
2.3 Dalil Pensyariatan Zakat Fitrah	20
2.4 Tahun dan Masa Diwajibkan Zakat Fitrah	21
2.5 Hikmah pemberian Zakat Fitrah	25
2.6 Kadar dan bentuk Zakat Fitrah Yang Wajib Dikeluarkan	28
2.6.1 Pendapat mazhab tentang kadar wajib zakat fitrah	28
2.6.2 Ukuran Satu gantang yang diwajibkan	34
2.6.3 Jenis benda ( makanan) yang wajib dikeluarkan sebagai zakat fitrah	36
2.6.4 Bolehkah Zakat Fitrah Dikeluarkan dengan nilai atau harga sesuatu makanan	40
Nota Kaki	43
<b>BAB KETIGA : ASNAF-ASNAF YANG BERHAK MENERIMA FITRAH</b>	
3 Golongan Yang Wajib Mengeluarkan Zakat Fitrah	46
3.1 Golongan Yang Berhak Menerima Zakat Fitrah	55
3.1.1 Pendapat ulama mengenai zakat fitrah kepada fakir ahli zimmi	56

DAFTAR ISI

PERKARA		HALAMAN
3.1.2	Apakah zakat fitrah dibahagikan kepada asnaf yang lapan ?	57
3.1.3	Bolehkah zakat fitrah diberikan kepada seorang atau beberapa orang fakir miskin ?	59
3.1.4	Orang Fakir atau Miskin tempatan hendaklah diutamakan.	59
3.2	Lapan Asnaf Yang Berhak Menerima Zakat	60
3.3	Golongan Fakir Miskin	63
3.3.1 (a)	Siapakah yang termasuk dalam kata fakir atau miskin ?	63
3.3.1 (b)	Pendapat mazhab mengenai keutamaan fakir dari miskin	64
3.3.1 (c)	Berapakah habuan zakat kepada fakir atau miskin ?	66
3.4	'Amil Zakat	68
3.4.i	Sokongan kepada 'amil	73
3.4.ii	Syarat-syarat 'amil	75
3.4.iii	Berapakah bahagian untuk 'amil ?	84
3.4.iv	Bidangkuasa 'amil	85
3.4.v	Ucapan pemungut 'amil	87
3.4.vi	Ucapan pembayar zakat	89

DAFTAR ISI

PERKARA	HALAMAN
3.5 Muallaf	89
3.5.1 Jenis muallaf	90
3.6 Memerdekakan hamba	94
3.7 Orang yang berhutang	97
3.8 Fi Sabilillah	100
3.8.1 Kesepakatan mazhab empat tentang diberi- kan zakat untuk fi sabilillah	103
3.9 Ibnu Sabil	104
3.9.1 Ibnu Sabil dalam al Quran	105
3.9.2 Sebab-sebab musafir mendapat bahagian zakat fitrah	106
3.9.3 Kadar untuk Ibnu Sabil	108
3.9.4 Masih adakah Ibnu Sabil sekarang ?	109
3.10 Pendapat Mazhab Fuqaha' Tentang Menyamaratakan Ba- hagian Zakat Fitrah di Antara Asnaf Yang Lapan	111
3.11 Golongan Yang Tidak Berhak Menerima Zakat ( fitrah)	113
Nota kaki	114

BAB KEEMPAT : PENTADBIRAN ZAKAT FITRAH DI SARAWAK

4.1 Sejarah Peruntukan Undang-undang Zakat di Sarawak secara umum	120
--	-----

DAFTAR ISI

PERKARA		HALAMAN
4.2	Kedudukan Zakat Fitrah Dalam Pentadbiran	121
4.3	Undang-undang Zakat dan Fitrah	125
4.4	Proses Perlaksanaan Kutipan Zakat di Sarawak	127
4.4.1	Perlantikan 'Amil	128
4.4.2	Panduan memilih 'amil	128
4.4.3	Bidangkuasa 'amil	129
4.4.4	Panduan 'amil dan tugas pentadbiran yang dijalankannya.	129
4.4.5	Sistem pengagihan zakat	133
4.4.5.1	Asnaf Zakat dan Fitrah	133
4.4.5.2	Cara pembahagian hasil pungutan zakat fitrah	135
4.4.6	Ulasan pengagihan	136
4.4.7	Cara pengiriman wang dan surat menyurat	139
4.4.8	Peringatan untuk 'amil	139
	Nota kaki	141
BAB KELIMA	: ANALISA DAN ULASAN	
5.1	Pendahuluan dan Pengenalan Kampung Kajian	142
5.2	Ulasan Pentadbiran Kutipan Zakat Fitrah di Kampung Pusa	143

DAFTAR ISI

PERKARA		HALAMAN
5.3	Tanggapan Masyarakat Kampung Terhadap Amil	146
5.4	Kepada Siapa Fitrah dibayar ?	151
5.4.1.	Fakir dan Miskin	151
5.4.2	Zakat Fitrah dibayar kepada 'amil	154
5.4.3	Zakat Fitrah dibayar kepada Pak-pak Haji, Lebai-lebai dan para alim	156
5.5	Masa Membayar Zakat Fitrah	159
5.6	Dengan Apa Zakat Fitrah Dibayar ?	159
5.7	Agihan Zakat Fitrah oleh Majlis melalui 'Amil	160
5.8	Cadangan	161
5.9	Penutup	163

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN A

LAMPIRAN B

LAMPIRAN C

SENARAI KEPENDEKAN

Ibid	- di tempat yang sama
op. cit.	- pengarang yang sama
bil.	- bilangan
hal.	- halaman
jil.	- jilid
juz.	- juzuk
H	- Hijrah ( tahun )
M	- Masihi ( tahun )



## PENDAHULUAN

### LATAR BELAKANG KAJIAN

Setiap perkara yang dijalankan dan dilaksanakan di sesebuah tempat yang melibatkan masyarakat manusia, mesti tidak sunyi dari menghadapi masalah. Di Sarawak, secara umumnya, masyarakat Islam belum terdedah sepenuhnya mengenai amalan-amalan Islam secara keseluruhannya. Lebih-lebih lagi mereka hanya merupakan penduduk minoriti di Sarawak.

Seperti mana yang kita maklumi zakat atau fitrah disyariatkan adalah bertujuan untuk membela golongan yang kurang bernasib baik seperti fakir dan miskin, balu-balunya yang banyak tanggungan, orang-orang tua yang hidup sebatang kara dan sebagainya dari kalangan mereka yang memerlukan bantuan dan pertolongan. Namun, kalau bantuan-bantuan berkenaan tidak ditadbir dengan betul ianya akan merosakkan tujuan pensyariatkan zakat berkenaan. Pun jua, kalau zakat atau fitrah itu dibayar atau disalurkan kepada mereka yang tidak berhak menerimanya, sudah pasti ianya menganiaya golongan-golongan yang benar-benar memerlukannya.

Oleh hal yang demikian, kajian terperinci mengenai masalah tersebut dari masa ke semasa dengan tujuan untuk memperbaiki keadaan dan mencegah segala penyelewengan serta menghilangkan segala kekeliruan, harus diambil inisiatif. Untuk itulah penulis cuba melihat masalah itu secara lebih dekat melalui kajian ilmiah ini.

## TUJUAN KAJIAN

Latihan ilmiah ini ditulis adalah bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam di Universiti Islam Antarabangsa. Penulis memilih tajuk ini adalah bertujuan melihat, meninjau dan mengkaji secara terperinci masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Kampung Pusa mengenai terhadap siapakah wajarnya mereka membayar zakat atau zakat fitrah supaya mereka tidak lagi menanggung beban hutang zakat dari tahun ke tahun kerana tersalah tempat membayar zakat.

Sehubungan dengan itu, beberapa penjelasan akan dapat dilihat dalam penulisan ini secara terperinci mengenai siapakah yang benar-benar berhak dan layak dan diiktirafkan oleh syarat sebagai penerima zakat atau fitrah dan siapakah pula yang ditegah dan tidak layak bahkan haram menerima zakat atau fitrah. Di samping itu beberapa cadangan yang difikirkan dapat mengatasi masalah tersebut diutarakan dan dikemukakan di sini untuk diambil tindakan selanjutnya.

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini penulis menggunakan dua kaedah iaitu pertama kajian perpustakaan iaitu yang melibatkan kajian buku dan kedua pula ialah kaji selidik yang melibatkan responden-responden secara langsung di

tempat kajian. Kajian buku dijalankan untuk melihat secara lebih dekat mengenai ulasan-ulasan pendapat ulama dan fuqaha' mengenai tajuk kajian sementara kajian berlandaskan soal selidik lebih merupakan cara meyelami sebab-sebab berlakunya sesuatu perkara atau masalah. Namun demikian kedua-dua metod ini saling berkaitan di antara satu sama lain untuk melengkapkan kajian ini.

### BIDANG KAJIAN

Tumpuan penulisan ini diberikan kepada soal pembayaran zakat atau fitrah yang menimbulkan kekeliruan di antara masyarakat kampung iaitu orang biasa dan lebai-lebai yang alim tentang serba sedikit pengetahuan agama. Di samping itu kajian ini menitikberatkan apakah sebab-sebab berlakunya masyarakat kampung tidak menerima penggunaan sistem 'amil dan melihat kenapa pengaruh pak-pak haji dan lebai-lebai begitu kuat di kampung kajian.

### MASALAH KAJIAN

Di antara masalah yang dihadapi ialah ;

- a - Kekurangan bahan-bahan bertulis mengenai pentadbiran zakat atau fitrah di Sarawak.
- b - Sambutan terhadap soal selidik yang kurang berjaya

- c- Kebanyakan responden tidak faham mengenai apakah yang dimaksudkan yang berhak dan tidak berhak menerima zakat atau fitrah. Mereka hanya menurut dan mengikut apa yang telah diwarisi dari orang-orang yang terdahulu dari mereka.
- d- Tanggapan pak-pak haji dan lebai-lebai kampung yang salah mengenai kajian di buat. Setengah mereka merasakan maruah mereka tercabar sebagai orang yang dikagumi dan dihormati dalam hal-hal agama di kampung.

Demikianlah lebih kurang gambaran masalah yang dihadapi dalam usaha melengkap dan menyiapkan kertas projek ini.

#### KELEMAHAN KAJIAN

Penulis sebagai manusia biasa mengakui bahawa dalam menjalankan kajian ini dan hasil yang dibuahkan darinya, terdapat banyak kekurangan samada disengajakan atau tidak. Oleh itu penulis dengan rasa rendah diri mengakui bahawa penulisan ini mungkin tidak begitu menepati objektif yang dikehendaki dari segi pengolahan, fakta, isi dan sebagainya yang berkaitan. Sebarang kritikan yang membina amatlah dialu-alukan.

BAB PERTAMA



BAB PERTAMA

PENGENALAN ZAKAT

1 : PENGENALAN ZAKAT

Islam adalah meliputi 'aqidah dan syari'at. Prinsip utama Islam ialah beriman dengan Allah SWT, para malaikat, rasul-rasul, kitab-kitab, qada' dan qadar dan hari kiamat. Allah SWT telah mengatur urusan orang Islam, kira bicara serta hubungan mereka dengan individu dan masyarakat. Agama Islam merupakan syari'at yang menjelaskan hak-hak serta kewajiban, menjelaskan perkara halal-haram, melindungi kemantapan agama, membimbing dan membentuk ketinggian jiwa dan mengatur segala perjalanan apa yang ada di cakerawala ini dengan penuh kesempurnaan. Agama Islam juga mengatur urusan kewangan samada dalam pemilikan, perbelanjaan, pengedaran, pelaburan dan segala yang berkaitan dengan wasit serta harta pusaka.

Pemilikan harta dalam Islam adalah berasaskan kepada ' manusia menjadi khalifah Allah SWT di muka bumi ', ia bukan sebagai pemilikan perseorangan semata-mata seperti yang terdapat dalam sistem kapitalis. Ia juga bukan merupakan pemilikan masyarakat semata-mata ( milik negara ) seperti yang diamalkan dalam masyarakat komunis. Tetapi dalam Islam harta adalah dimiliki oleh Allah SWT yang diserahkan kepada manusia sebagai amanah yang mempunyai tujuan-tujuannya yang tertentu yang ditetapkan dan sebagainya. Ini adalah seperti mana yang digambarkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya dalam al Quran ;

" وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ "

Maksudnya ;

"Dialah yang menjadikan kamu khalifah di muka bumi "(2)

Firman Allah SWT lagi ;

" وَأَنْفِقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُسْتَخْلِفِينَ فِيهِ "

Maksudnya ;

"Dan belanjakanlah ( pada jalan kebajikan )  
sebahagian daripada harta benda ( pemberian  
Allah ) yang menjadikan kamu sebagai wakil  
yang menguasainya ; " (3)

## 1.1 : DEFINISI

Pengertian atau definisi zakat akan dapat kita lihat secara ringkas perbincangannya, dengan mengambil dan memuatkan beberapa pendapat para fuqaha'. Pendapat-pendapat ini diambil secara ringkas kerana ianya telah banyak dan kerap kali ditulis, dibahas dan dibincangkan oleh para fuqaha' dan ulama' terdahulu dan sekarang secara panjang lebar. Jadi ada baiknya hanya dipetik beberapa pendapat mereka untuk dimuatkan ke dalam

Kertas Projek yang sederhana dan kecil ini. Antara lain pendapat-pendapat tersebut ialah :-

Dr. Yusuf al Qardhawi mengatakan, zakat merupakan kata dasar daripada perkataan ( زَكَاةً ) yang bererti berkah, tumbuh, bersih dan baik. Dari segi bahasanya, dapat difahamkan bahawa ianya bermaksud berkembang dan bertambah. Sementara dari segi syara' ianya bermaksud sebagai sebahagian daripada harta yang ditentukan oleh Allah SWT untuk orang-orang yang berhak menerimanya. (4)

Memurut Sayyid Sabiq, zakat dari segi bahasa membawa maksud subur, suci dan berkah. Tambahnya lagi, zakat juga disebut sebagai nama atau sebutan dari suatu hak Allah SWT yang dikeluarkan oleh seseorang kepada golongan fakir dan miskin. Sesuatu itu diertikan dengan zakat kerana termaktub di dalamnya harapan mendapatkan keberkatan, pembersihan jiwa dan memupuknya dengan berbagai-bagai kebaikan. (5)

Ibnu Qudamah pula mengatakan zakat memberi erti penambahan dan pengembangan dan ianya dinamakan zakat kerana ianya menjadi penyebab kepada pengembangan kepada sesuatu harta. (6)

Daripada pendapat-pendapat yang dikemukakan di atas dan juga sedutan daripada beberapa pendapat para fuqaha' terdahulu dan kini, definisi zakat dapat disimpulkan dalam beberapa pengertian berikut :-